



KERTAS MODEL UPSR SET 2

MARKAH		
Pemahaman	Penulisan	JUMLAH
50	50	100

PEMAHAMAN

Satu jam lima belas minit


Bahagian A [20 markah]

Soalan 1 hingga 9

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- Rasa buah limau itu sangat _____ kerana adik tidak boleh menghabiskannya.
A lidas
B lemau
C masam
D mengkal
- Kehidupan Iskandar tidak terurus kerana keluarganya asyik ber _____ angkara hutang.
A mundar-mandir
B pindah-randah
C lalu-lalang
D ulang-alik
- Puan Suriati _____ bungkus makanan kepada jirannya Puan Kashimi.
A menghulurkan
B melabuhkan
C melontarkan
D meletakkan
- Doktor Hasim _____ isterinya mendirikan rumah tangga _____ mereka masih belajar di India.
A dan sementara
B atau.....sambil
C dengan...hingga
D serta.....ketika
- Rumah itu _____ dilelong dengan harga yang amat rendah pada bulan hadapan.
A akan
B sedang
C pernah
D masih

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



- Abang selalu memasang impian untuk _____ sebuah kolam renang yang besar di belakang rumah.
A membina
B memasang
C mendirikan
D membuatkan
- Sultan Selangor turut _____ takziah kepada kerabat Diraja Pahang atas kemangkatan Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.
A menjunjung kasih
B menjunjung titah
C merafak sembah
D mencemar duli
- _____ murid diseru agar melakukan perjarakkan fizikal antara satu sama lain ketika berada di sekolah.
A Semua
B Setengah
C Berbagai
D Beberapa

9 Puan Salmah kecewa kerana anak yang selama ini disayangi dan dijaga _____ sanggup melakukan hatinya.

- A bagai cincin dan permata
- B bagai bulan dipagari bintang
- C bagai mencurah garam ke laut
- D bagai menatang minyak yang penuh

10 Puan Qist mengingatkan anaknya agar jangan sesekali memendam sebarang perasaan marah.

Pilih perkataan **sinonim** bagi memendam.

- A membendung
- B membasmi
- C mengawal
- D menaruh

11 Lukisan Izan sering mendapat pujian kerana beliau sering menghasilkan karya yang bermutu.

Pilih perkataan **antonim** bagi bermutu.

- A tidak berharga
- B berkuantiti
- C tidak murah
- D tidak bernas

12 Pilih **ayat tanya** yang betul bagi jawapan yang diberikan.

Kegiatan pembangunan dan pembalakan haram menjadi punca utama kepupusan hidupan liar.

- A Kepupusan hidupan liar semakin terjejas berikutan kegiatan pembangunan.
- B Kegiatan hidupan liar semakin pupus berikutan kerja-kerja pembalakan.
- C Punca utama kepupusan hidupan liar ialah kegiatan pembangunan dan pembalakan haram.
- D Pembangunan dan kepupusan hidupan liar menjadi punca utama pembalakan haram.

13 Pilih **jawapan** yang sesuai bagi ayat tanya yang diberikan.

Siapakah pencipta bendera Malaysia?

- A Mohamed bin Hamzah berasal dari Kampung Melayu Majidee, Johor Bharu.
- B Mohamed bin Hamzah merupakan pencipta bendera Malaysia.

C Mohamed bin Hamzah dilahirkan pada 5 Mac 1918.

D Mohamed bin Hamzah menyertai Pertandingan Mereka Bendera Persekutuan Tanah Melayu.

Soalan 14 dan 15

Pilih ayat yang betul.

14 A Encik Helmie berbual mesra dengan Encik Heong yang baru berpindah dengan sebelah rumahnya.

B Program Hari Keluarga Sri Kemunting telah berlangsung dengan terang benderang.

C Nenek Athira menitiskan air mata semasa menonton drama di televisyen itu.

D Ramy terasa gembira kerana keluarganya sentiasa bahagia.

15 A Kedai gunting rambut akan dibuka semula mulai bulan Julai ini.

B Barisan juri amat menarik dengan bakat kumpulan nasyid itu.

C Siti menjemput seluruh rakannya di majlis sambutan ulang tahun kelahirannya.

D Murid sekolah itu terpaksa berjalan kaki sejauh 4 kilometer untuk sampai pada sekolah.

16 Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

Ibu membeli madu kelulut dengan harga RM65.00 sebotol dari kedai Encik Osman.

A Harga sebotol madu kelulut buatan ibu ialah RM65.00 sebotol.

B Encik Osman menjual madu kelulut pada harga RM65.00 sebotol pada pelanggannya.

C Kawan Osman menjual madu kelulut pada harga RM65.00 sebotol kepada ibu.

D Madu kelulut dari kedai Encik Osman yang dibeli oleh ibu berharga RM65.00 sebotol.

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Industri pelancongan di negara kita semakin maju. Oleh itu, banyak kebaikan yang kita peroleh daripada kemajuan industri ini.

Pertamanya, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Secara tidak langsung, kadar pengangguran di negara kita dapat dikurangkan. Selain itu, industri pelancongan turut meningkatkan bilangan usahawan dalam kalangan penduduk setempat.

Kedua, kedatangan pelancong asing dapat menaikkan imej negara kita di mata dunia. Mereka akan mendapat gambaran sebenar tentang keadaan negara kita. Keharmonian ini turut memupuk perpaduan antara penduduk setempat dan pelancong asing.

Industri pelancongan memberi kebaikan kepada penduduk luar bandar juga. Hal ini demikian kerana *taman rekreasi* di negara kita banyak terdapat di kawasan luar bandar. Justeru, kerajaan terpaksa menyediakan bekalan elektrik untuk keselesaan para pengunjung.

Jelaslah, bahawa industri pelancongan lebih banyak mendatangkan kebaikan daripada keburukan.

- 17 Apakah faedah industri pelancongan kepada penduduk luar bandar?
- A Dapat menambah pendapatan harian
 - B Dapat berkenalan dengan pelancong asing
 - C Dapat menikmati pelbagai kemudahan infrastruktur
 - D Dapat menjual beraneka jenis barangan kraf tangan
- 18 Industri pelancongan dapat menyelesaikan masalah pengangguran kerana
- A pendapatan yang diperoleh daripada industri ini digunakan untuk membantu penganggur.
 - B menghindarkan sikap malas bekerja dalam kalangan penduduk setempat.
 - C banyak mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.
 - D penganggur akan berhijrah ke bandar untuk mencari kerja.
- 19 Rangkai kata *taman rekreasi* bermaksud
- A tempat beristirahat.
 - B tempat berlindung.
 - C tempat permainan.
 - D tempat hiburan.
- 20 Pernyataan yang berikut benar tentang petikan **kecuali**
- A industri pelancongan banyak membuka peluang pekerjaan.
 - B kepesatan industri pelancongan dapat menaikkan imej negara.
 - C kawasan pedalaman banyak mempunyai tempat yang menarik.
 - D kedatangan pelancong asing akan menjejaskan pendapatan negara.

BAHAGIAN A TAMAT

Bahagian B

[30 markah]

Soalan 21

(a) Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

daripada	tentang	kepada	sejak
seperti	atau	ke	dalam

- (i) Zizan hendak _____ rumah sepupunya yang berada di kawasan pergunungan itu.
- (ii) Ubat yang dimakan oleh nenek itu dibuat _____ ramuan akar kayu yang bemutu.
- (iii) Datuk sedang bercerita _____ pengalaman silamnya kepada Mimi dan Maisarah.
- (iv) _____ kecil lagi, Fatima diajar untuk bersikap sopan dan menghormati orang tua.

[4 markah]

(b) Nyatakan **BETUL** atau **SALAH** bagi ayat-ayat di bawah.

Contoh:

Widuri sentiasa ditemani oleh ibu dan bapanya semasa dia melayari Internet.

- (i) Pramugari itu sedang memberi taklimat keselamatan pada para penumpang.
- (ii) Ilyas meminta kebenaran dari gurunya untuk menggunakan komputer.
- (iii) Pelanggan di Restoren Barra melihat menu yang ditampal pada papan kaunter sebelum membuat bayaran.


betul

[3 markah]

Soalan 22


(a) Tandakan (✓) bagi **penjodoh bilangan** yang paling sesuai.

(i)



biji	
gugus	
buah	


(ii)



helai	
pucuk	
batang	

[2 markah]

(b) Nyatakan **peribahasa** yang sesuai berdasarkan gambar dan pernyataan di bawah.



Ternyata bumbung rumah itu semakin bocor setelah dibaiki oleh Abang Halim. Perbuatan Abang Halim diibaratkan seperti

[2 markah]

Soalan 23

(a) Tulis **ayat tanya** yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.

Ayat tanya : _____ ?

Jawapan : Kita perlu menjaga kesihatan emosi bagi memastikan kita sentiasa dalam keadaan yang ceria dan tenang.

[2 markah]

(b) Teliti maklumat di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Pertandingan Mereka Cipta Robot Kreatif dari Barangan Terbuang

Tarikh : 4 Jun 2021
Tempat : Dewan Tunku Abdul Rahman
Masa : 8.00 pagi – 12.30 tengah hari
Yuran pendaftaran : RM50.00

Syarat-syarat penyertaan:

- Terbuka kepada semua murid sekolah rendah
- Satu kumpulan terdiri daripada 2 orang
- Keputusan hakim adalah muktamad

(i) Di manakah pertandingan Mereka Cipta Robot Kreatif itu akan diadakan?

[1 markah]

(ii) Pada pendapat kamu, apakah tujuan pertandingan itu diadakan?

[3 markah]

Soalan 24

Baca iklan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Pertandingan Mewarna dan Melukis Poster

TARIKH:
16 April 2021

LOKASI :
Sekolah Kebangsaan
Bukit Beruntung 2

HADIAH:
Tempat Pertama
Alatan Melukis + Hamper

Tempat Kedua
Alat Tulis + Hamper

Tempat Ketiga
Hamper

TEMA :
Cintai Alam Sekitar

Terbuka kepada semua murid sekolah rendah sahaja

(a) Apakah hadiah yang ditawarkan kepada pemenang pertandingan mewarna dan melukis poster?

[2 markah]


(b) Pada pendapat kamu, apakah kebaikan menyertai pertandingan mewarna dan melukis poster?

[3 markah]

Soalan 25

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

AKTIVITI Hujung Minggu Keluarga Laura



(a) Berdasarkan gambar, nyatakan dua aktiviti yang sedang.

Contoh: membelai anak

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(b) Nyatakan **satu** peribahasa yang sesuai berdasarkan situasi dalam gambar di atas.

[2 markah]

BAHAGIAN B TAMAT


Bahagian A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Gambar di bawah menunjukkan keadaan di sebuah bengkel kereta.

Tulis lima ayat yang lengkap tentang gambar tersebut.




1

2

3

4

5




Bahagian B
[15 markah]
[Masa dicadangkan : 25 minit]

Peta bulatan di bawah menunjukkan kepentingan sungai kepada manusia.

*Tulis ulasan tentang **kepentingan sungai** dalam bentuk perenggan.*

*Panjangnya ulasan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.*





Bahagian C
[25 markah]
[Masa dicadangkan : 35 minit]

*Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab **satu soalan sahaja**.*

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah **antara 80 hingga 120 patah perkataan**.*

Soalan 1

Aku sedang berjalan pulang dari kantin sekolah. Apabila aku sampai ke Kelas Tahun Satu Jujur, aku terdengar seorang budak sedang menangis. Aku pun...

Tulis cerita kamu selengkapnya.

Mulakan cerita kamu dengan “Aku pun....”

ATAU

Soalan 2

Kamu berbual-bual dengan rakan kamu tentang persediaan yang telah dilakukan untuk menghadapi peperiksaan UPSR pada tahun ini.

Tulis perbualan kamu itu selengkapnya.

No Soalan	
-----------	--

KERTAS MODEL UPSR • SET 2

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

A right triangle is shown with a horizontal base and a vertical height. The hypotenuse is labeled with the number 25.